

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	3,000 kunjungi Science4U	Utusan Malaysia
2	Pemangkin pembangunan	Utusan Malaysia
3	ECT ICT announces US partnership	The Malay Mail
4	Antivirus berlandaskan syariah	Sinar Harian
5	1,000,000 anti-Lynas signatures collected	The Sun

3,000 kunjungi Science4U

Pengunjung teruja dengan pengisian program yang berkonsepkan interaktif

KARNIVAL Kreativiti dan Science4U anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Melaka baru-baru ini dikunjungi tidak kurang 3,000 peminat sains dan teknologi.

Karnival tersebut yang diadakan di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek (SMKTHAM) Cheng, Melaka dihadiri lebih 3,000 pengunjung yang terdiri daripada pelajar dan penduduk sekitar.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pengajuran karnival seperti itu boleh membantu memupuk minat di kalangan generasi muda meminati sains dan teknologi.

"Pengisian program dan aktiviti yang disusun menjadi penentu kepada sejauh mana sambutan masyarakat terhadap program berunsur sains yang selama ini dianggap hambar serta bosan."

"Kita (MOSTI) amat mengalui-alukan sebarang pengajuran program seumpama ini pada masa akan datang dengan aktiviti-aktiviti yang lebih mencabar dan menarik," ujarnya.

Dr. Abu Bakar juga menyayarkan supaya aktiviti seperti ini diperluaskan ke negeri-negeri lain pada masa-masa akan datang dan beliau begitu optimis bahawa

program-program tersebut akan dapat mengubah persepsi pelajar terhadap sains dan teknologi.

Beliau turut berkesempatan melancarkan



DR. Abu Bakar Mohamad Diah berkongsi pandangan mengenai pameran sains angkasa pada Karnival Kreativiti dan Science4U di Melaka baru-baru ini.

roket air yang di anjurkan oleh Yayasan Angkasawan Malaysia serta beramah mesra dengan pelajar-pelajar sekolah.

Karnival berkenaan dibawa khas untuk pelajar di sekitar kawasan Cheng bagi tujuan meningkatkan tahap kesedaran dalam sains, teknologi dan inovasi selaras dengan perisytiharan tahun 2010 sehingga 2020 sebagai Dekad Inovasi.

Para pelajar diterapkan faktor yang menjamin kejayaan negara dalam dunia global yang sentiasa berubah iaitu modal insan yang berilmu, kreatif dan berinovasi.

Malis tersebut dirasmikan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Rosli Mohamed,

dan turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Kasim Mohamad dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Jamil Jamaat.

Pada majlis tersebut, Dr. Rosli juga melepaskan program Jejak Inovasi Melaka 2013' yang dianjurkan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di mana program ini telah meneroka lima kawasan dengan produk ciptaan masing-masing selepas pelancaran.

Selain itu, terdapat 15 agensi dan bahagian di bawah MOSTI telah mengambil bahagian dalam karnival ini untuk berkongsi dan menyediakan platform maklumat serta mengambil peluang untuk menyertai aktiviti interaktif yang bercirikan sains dan teknologi.

Selain itu, beberapa agensi luar iaitu Perbadanan Bioteknologi Melaka, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan syarikat DreamEdge Berhad juga menyertai karnival berkenaan.

Antara aktiviti-aktiviti interaktif yang dijalankan adalah pameran, demonstrasi dan pertandingan berteraskan sains dan kreativiti, pertunjukkan alat pengesan gempa bumi dari Jabatan Meteorologi Malaysia, pencerapan matahari dari Agenzia Angkasa Negara (Angkasa) serta pameran sains bergerak menggunakan bas Pusat Sains Negara.

UPSI pula mengadakan pertunjukkan simulasi letusan gunung berapi dan beberapa pameran lain dari agensi-agensi yang terlibat.

SMKTHAM juga telah memeriahkan lagi majlis dengan menganjurkan pertandingan futsal, bola jaring, gusti lengan, flying fox, serta wall climbing.

Sekolah-sekolah lain yang turut hadir ke karnival termasuk Sekolah Menengah Teknik Jasin, MRSM Terendak, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Muhammad turut mengambil bahagian dalam mengunjungi karnival tersebut.



DR. ABU Bakar Mohamad Diah tertarik melihat robot humanoid.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 30 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

➤MegaSains

Pemangkin pembangunan

ATSB melalui teknologi angkasa berjaya melaksanakan program pembangunan angkasa untuk negara

Siri III

KUIZ Aplikasi Satelit Utusan-ATSB 2013 diteruskan dengan Siri III. Artikel ini menerangkan secara umumnya mengenai teknologi angkasa dan kejayaan ATSB. Artikel boleh dianggap mudah tetapi pembaca masih perlu memahami apakah kepentingan dan bagaimana teknologi angkasa menyumbang kepada kemajuan negara. Selepas membaca, jawab dua soalan objektif yang disertakan dan simpan soalan terkumpul (Siri III) sehingga Siri VI.

Oleh AZIZ YUSOFF
dan DR AHMAD SABIRIN ARSHAD

SEMUA negara maju menjalankan program pembangunan teknologi angkasa yang komprehensif. Sebagai sebuah negara yang berasperasi untuk ke tahap maju, Malaysia turut tidak terkecuali daripada hakikat ini.

Sebagai sebuah syarikat kerajaan (Kementerian Kewangan yang Dipерbadankan), Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) yang beroperasi dari tahun 1997, telah diberi mandat oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan teknologi angkasa negara.

Berpaksaan pembangunan teknologi angkasa, ATSB berjaya mereka bentuk dan melaksanakan program pembangunan angkasa untuk negara.

Program pembangunan teknologi angkasa merangkumi program nasional yang kompleks yang turut mengimbangi faktor iklim ekonomi semasa, keperluan strategik nasional serta teknologi berkaitan.


Pelbagai senario kompleks yang sukar perlu ditangani dan melibatkan masa yang panjang diperlukan sebelum keputusan muktamad serta risiko yang perlu dikompromi.

Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU), Rusia, India, China, Jepun dan Korea Selatan merupakan beberapa buah negara yang memerlukan sejumlah pelaburan yang besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) untuk pembangunan teknologi angkasa.

Sebagai contoh, China memperuntukkan dana sebanyak RM7.5 bilion pada tahun 2009. AS merupakan penyumbang utama kepada pembangunan teknologi angkasa dunia dengan peruntukan sebanyak RM194 bilion pada tahun 2010 manakala Jepun pula memperuntukkan RM6.78 bilion bagi tahun lalu.

Keperluan dalam bidang angkasa yang berteknologi tinggi akan mendatangkan pulangan yang besar dalam jangka masa yang panjang dan seterusnya melonjakkan pendapatan negara ke tahap lebih tinggi.

Penggunaan dalam bidang angkasa merupakan salah satu daripada teras model ekonomi baru kepada



UJIAN sistem satelit di ATSB di Shah Alam.



INDEKS vegetasi Kuala Terengganu yang telah dihasilkan daripada imej satelit RazakSAT oleh UMT.

negara-negara maju.

Malaysia seharusnya mencontohi model ekonomi negara maju ini agar hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dapat dicapai.

Pembangunan teknologi angkasa

Hampir kesemua negara maju di dunia sudah menguasai teknologi angkasa sebagai sebahagian daripada aktiviti ekonomi dan antara pemangkin untuk menjana pendapatan negara mereka.

Perkembangan ini dapat dilihat pada negara-negara maju dan negara-negara sedang membangun yang berlumba-lumba untuk menguasai teknologi angkasa dan membina model ekonomi baru berdasarkan teknologi tersebut.

Pemantauan yang ketat dan berterusan daripada negara maju menyumbang kepada faktor keperluan negara untuk membangunkan teknologi angkasa sendiri.

Antara teknologi yang dikawal adalah seperti sistem komputer terbenam, teknologi dorongan, kawalan altitud dan orbit, perisian muat turun data serta komponen tahan radiasi.

Ini adalah disebabkan teknologi angkasa ini mempunyai kegunaan dwi-fungsi iaitu kegunaan awam dan ketenteraan.

Pembangunan teknologi angkasa Malaysia tertumpu kepada pembangunan satelit jenis remote sensing ataupun satelit penderia jauh optik atau pun kamera.


Antara kejayaan yang telah diperolehi oleh Malaysia termasuklah program RazakSAT®.

Bagi membolehkan beberapa siri pengujian RazakSAT dilakukan di Malaysia, keperluan seperti bilik bersih dengan kren, makmal optik dan juga makmal elektronik telah diwujudkan.

Setelah berjaya melepas beberapa siri pengujian, satelit RazakSAT telah dilancarkan dengan jayanya pada 14 Julai 2009 dari lokasi tapak pelancaran iaitu di Kwajalein Atoll, Amerika Syarikat.

Pelancaran tersebut adalah merupakan satu sejarah kepada dunia kerana RazakSAT telah menjadi satelit remote sensing yang pertama dilancarkan menggunakan Orbit Hampir Khatulistiwa atau Near Equatorial Orbit (NEqO).

Ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan peluang pengimajian ke atas Malaysia dan negara-negara



ORBIT hampir khatulistiwa atau Neqo pada bumi berbanding dengan orbit matahari segerak (Sun Synchronous Orbit - SSO).

berhampiran Khatulistiwa seperti Amerika Selatan, Afrika dan Asia Tenggara.

Orbit NEqO memberikan litupan kawasan di khatulistiwa yang lebih kerap berbanding dengan orbit matahari segerak (Sun Synchronous Orbit - SSO) dan melalui Malaysia setiap 90 minit.

Antara contoh kejayaan pembangunan teknologi angkasa termasuk teknologi sistem kawalan satelit dan juga sistem penerimaan satelit dalam pelbagai frekuensi.

Perkakasan yang telah dibangunkan adalah sistem pemancar frekuensi angkasa jalur X berkemampuan tinggi, sistem perisian kawalan dan simulasi satelit serta sistem penerimaan dan arkib pengimajian.

Kompetensi dalam proses kalibrasi (penentu ukuran) sensor satelit bermula daripada prakalibrasi sehingga galah ke pasca-kalibrasi setelah satelit dilancarkan juga telah dibangunkan bagi tujuan pemprosesan imej.

Malaysia kini mempunyai penggunaan teknologi sub-sistem satelit seperti struktur, mekanikal dan termal, komunikasi, kuasa, pengkomputeran, kawalan attitud, pendorongan dan muatan untuk satelit penderiaan jauh berresolusi 2m ke atas.

Sistem ISO 9001:2008 digunakan sebagai proses kawalan kualiti dalam membangunkan teknologi-teknologi ini.

Pembangunan aplikasi satelit pengimajian

Hasil satelit pengimajian biasanya digunakan dalam aplikasi-aplikasi Geographic Information Systems (GIS) di mana penggunaan satelit memberi kesan langsung kepada masyarakat menerusi pelbagai aplikasi.

Sebagai contoh, ATSB® telah bekerjasama dengan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk mengelapsikan imej RazakSAT®


SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 9

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)



PEMPROSESAN warna palsu RazakSAT untuk melihat perairan dan kepadatan bandar dan tanaman di Sungai Petani.



PEMPROSESAN imej RazakSAT untuk mengenal pasti kawasan klorofil yang tinggi serta dapat untuk menentukan keadaan laut di Kuala Terengganu oleh UMT.

Isu dan Cabaran Pembangunan Teknologi Angkasa

Proses pembangunan teknologi angkasa mengambil masa yang agak panjang.

Pembangunan teknologi angkasa memerlukan modal yang tinggi dan memerlukan masa yang panjang sebelum menjana pulangan besar.

Ini memberi cabaran-cabaran unik untuk mengekalkan momentum pembangunan serta kestabilan sumber kewangan.

Fokus Malaysia terhadap pembangunan teknologi angkasa secara aman bermakna program-program yang dibangunkan perlu diberi keprihatinan dari segi pelaksanaan agar aspek komersial turut diambil kira.

Impak yang dirasai oleh industri terutama program teknologi angkasa seumpamanya, dianggap sebagai suatu bentuk kemewahan semasa kemelesetan ekonomi.

Selain itu, pembuatan komponen-komponen teknologi tinggi tempatan masih lagi tidak mencukupi untuk menampung keperluan industri tersebut mengakibatkan kebergantungan Malaysia terhadap komponen sumber luar negara.

Semangat dan kebudayaan Inovasi Malaysia masih perlu dipertingkatkan.

Sebagai contoh, masyarakat sukar menerima risiko yang telah dianalisis dan ditimbangtara apabila sesuatu perlaksanaan projek diusahakan.

Ini adalah sangat kritikal kerana mengambil risiko merupakan asas awal yang amat penting untuk mencapai

kejayaan.

Seperti mana yang telah diunjurkan oleh cendekiawan Islam tersohor al-Jazari, Abbas Ibn Firnas, Ibn Al-Haytham yang berterusan membuat kajian setelah beberapa percubaan awal yang menemui kegagalan namun usaha yang berterusan dijalankan sebelum kejayaan dikecapi.

Meskipun terdapat isu dan cabaran yang serius, pembangunan teknologi angkasa di Malaysia boleh dibanggakan sehingga kini namun negara-negara jiran turut aktif untuk terus kekal bersaing di dalam bidang ini.

● DATUK Dr. Ahmad Sabrin Arshad ialah Ketua Pegawai Eksekutif ATSB manakala Aziz Yusoff ialah Naib Presiden Pembangunan Perniagaan ATSB.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (BUSINESS) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 30 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

KUALA LUMPUR

ECT ICT announces US partnership

LOCAL cyber-security solutions provider, ECS ICT Bhd via its wholly-owned subsidiary ECS Pericomp Sdn Bhd yesterday announced its partnership with American tech security company, Barracuda Networks Inc to provide end-to-end security solutions.

ECS managing director Foo Sen Chin said: "Our partnership with Barracuda is set to strengthen our security portfolio in Malaysia as well as to provide our resellers with a comprehensive range of security solutions to meet their customers' diverse business needs."

The company will be distributing the full range of Barracuda's suite of security and storage solutions such as WAF, Load Balancer, Message Archiver, web filters, Spam and Virus Firewall as well as a unique application known as SignNow which allows users to sign digital documents using their fingers and a touch-based mobile device.

The partnership according to Sen Chin is an evergreen partnership which means it will only expire when either of the parties wish to terminate it.

ECS is one of two distributors elected by Barracuda where it wishes to tap into ECS's wide corporate customer base.

Sen Chin noted that according to CyberSecurity Malaysia, in January to June of 2013, approximately 5,600 companies reported threats of cyber-security attack.

"Roughly 50% of these were malicious codes, spam and such which can be prevented with necessary security measures."

Barracuda Southeast Asia director Benny Lim said: "Data security is an important issue especially with many companies having important confidential information that is susceptible to hacking while may result in corporate espionage and loss of competitive advantages."

Benny added: "Together with ECS, we will be able to compliment each other in ECS's entire line of solution's ecosystem in that it offers allowing for a total solution."

ECS currently has 3000 resellers and 1000 corporate reseller in its network.

The enterprise business from ECS Pericomp contributes roughly 30% into the overall group business.

Antivirus berlandaskan syariah

Usahawan muda Malaysia perkenal perisian keselamatan internet ke antarabangsa

Siapa sangka, selain daripada perbankan Islam dan hab makanan halal, Malaysia juga ada syarikat yang menyediakan perkhidmatan perisian keselamatan internet atau bahasa mudahnya, antivirus yang berlandaskan sistem digital syariah sepenuhnya.

Lebih membanggakan, produk unik ini dihasilkan sebuah perusahaan kecil dan sederhana (PKS), 1Machine Sdn Bhd (1Machine) yang merupakan antara syarikat di bawah bimbingan Technology Park Malaysia (TPM).

Dikenali sebagai Perisai, perisian yang digunakan untuk keselamatan internet ini adalah buah fikiran tiga usahawan muda Melayu iaitu Ketua Pegawai Eksekutif 1Machine, Abbyamir Sapie; Ketua Pegawai Operasi 1Machine, Shaifulzuan Othman dan Pengarah Perniagaan Antara bangsa 1Machine, Mohd Juan Affendi Ibrahim.

Idea menghasilkan produk teknologi itu datang selepas mereka menyedari masih tiada syarikat tempatan yang menawarkan produk perisian keselamatan internet kepada pengguna, jadi 1Machine diasaskan pada 2010 bagi merealisasikan impian itu.

Pada 2011, 1Machine mula mengkomersialkan Perisai kepada umum dengan mengutamakan konsep perniagaan kepada perniagaan (B2B) melalui pengedar.

Kini, syarikat itu menawarkan perkhidmatan seperti Perisai Antivirus, Perisai Anti Spyware, Perisai Anti Spam, Perisai Parental Control, Perisai Firewall dan Perisai Mobile Security.

“Sebagai produk baru kami perlukan bimbingan dari segi penjenamaan, komersial dan pengiklanan bagi memberitahu umum mengenai produk tempatan.”

Abbyamir

Juba, Sudan Selatan bagi menjaga operasi dan pemasaran jualan kami di Afrika,” katanya.

Abbyamir menambah, 1Machine pada bulan lalu juga telah membuka syarikat 1Machine Technology Pte Ltd yang berpangkalan di Yorkshire, United Kingdom sebagai pusat operasi dan hab pemasaran Perisai di Eropah.

Tembusi pasaran Timur Tengah


Abbyamir berkata, selepas empat bulan pelancaran Perisai, pada 2012, 1Machine berhasil mendapatkan beberapa pengedaran di peringkat global di mana kebanyakannya adalah dari negara Islam Timur Tengah serta Utara Afrika seperti Arab Saudi dan Mesir.

“Peluang ini kami dapat dari pada penglibatan dalam beberapa program seperti pameran dan juga program di bawah TPM termasuk tunjuk ajar mengenai kemasukan pasaran, nasihat perniagaan, pembangunan serta rancangan perniagaan.

“Tahun lalu, kami banyak habiskan masa mencari pendedadhan kepada pasaran. Pada Februari tahun ini, kami telah menubuhkan syarikat pertama 1Machine di luar Malaysia dikenali sebagai 1Machine Technology Pte Ltd di

Juba, Sudan Selatan bagi menjaga operasi dan pemasaran jualan kami di Afrika,” katanya.

Abbyamir menambah, 1Machine pada bulan lalu juga telah membuka syarikat 1Machine Technology Pte Ltd yang berpangkalan di Yorkshire, United Kingdom sebagai pusat operasi dan hab pemasaran Perisai di Eropah,” katanya.



Abbyamir bersama produk 1Machine Perisai.

“Kami buka syarikat itu dengan kerjasama rakam kongsi di sana yang sudah berpendapat dan kemukakan rancangan mereka bagaimana untuk membantu Perisai menembusi pasaran di Eropah,” katanya.

Kerajaan turut bantu sektor teknologi

Bagi Abbyamir, inisiatif daripada kerajaan memang banyak disediakan bagi membantu usahawan sektor teknologi.

“Kami juga penerima bantuan daripada YAYasan Usahawan Baru-Malaysia (Mynef) yang membuat rancangan bali untuk mempromosikan Perisai dalam kalangan pengguna terutamanya syarikat PKS.

“Melalui geran ini kami menyediakan Perisai kepada syarikat PKS secara percuma dan ia dibiaya oleh Mynef sendiri,” katanya.

Berdasarkan sokongan itu, 1Machine menyasarkan anggaran penggunaannya akan mencecah 200,000 pada hujung tahun ini.

Namun beliau juga berharap akan ada bantuan dari segi penjenamaan produk unik itu supaya lebih dikenal pengguna.

“Sebagai produk baru kami perlu bimbingan dari segi penjenamaan, komersial dan pengiklanan bagi memberitahu umum mengenai produk tempatan dan

saya harap kerajaan akan beri lebih perhatian untuk bantu usahawan teknologi dalam perkara ini,” katanya.

Tak banyak produk negara Islam

Ditanya mengenai perancangan akan datang, Abbyamir berkata, 1Machine akan mengutamakan sasaran bagi penembusian pasaran Perisai di peringkat global kerana tidak banyak produk yang datang dari dunia Islam seperti negara-negara dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

“Boleh dikatakan 98 peratus (produk teknologi) adalah dari Eropah dan Amerika Syarikat. Di sini kita boleh lihat peluang sangat cerah bagi produk dari Malaysia dan negara Islam untuk tembusi pasaran Timur Tengah dan negara yang mempunyai peratusan penduduk Islam tinggi.

“Rakan kongsi kami di Eropah juga turut memberi cadangan untuk menembusi pasaran negara di Eropah yang mempunyai peratusan penduduk Islam tinggi.

Bagaimanapun, beliau tetap mahu menggunakan kedudukan di pasaran negara sendiri sebelum menarik perhatian pengguna luar kerana syarikat itu yakin, produk dari dunia Islam boleh diterima dengan baik di negara Islam seluruh dunia.

A black and white photograph showing a stack of Perisai product boxes and a CD-ROM. One box is clearly labeled 'PERISAI Internet Security'. The CD-ROM has the same branding. The background is dark, making the products stand out.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 1&4
TARIKH: 30 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

1,000,000 anti-Lynas signatures collected

KUALA LUMPUR: More than one million Malaysians have signed environmental group Himpunan Hijau's public petition against the Lynas rare earth plant in Kuantan after about 60 days of the group's campaigning.

Himpunan Hijau chairman Wong Tack said this is the first time a campaign like this in the country have received such level of support, which included 37 days of camping at Dataran Merdeka.

"As of this morning, we have achieved 1,062,000 signatures with the 1,000,000th signature registered on Saturday at 11.45pm. It was a truly jubilant night," Wong said.

"The message is clear: the people of Malaysia will no longer tolerate the operation of Lynas. This also shows that the ruling regime has ignored the demands of the people at their own peril," he said.

The "Bury Lynas with 1,000,000 signatures" campaign was launched on August 1 and was intended to be completed within 100 days.

Wong said the petition will be used to lobby the people of Japan and Australia – countries with the most investors funding the Lynas plant – and to put pressure on the operators of the plant to shut it down.

"We will show the petition to the Sultan but not to the other leaders of the nation. We want to go to the ordinary people," he said.

PICTURES ON
PAGE 04 ►



WE'VE GOT IT! ... The environmental group Himpunan Hijau reached their target of securing 1 million signatures in a petition for the closure of Lynas' rare earth refinery in Gebeng, Kuantan. After three months of campaigning, including camping out at Dataran Merdeka in Kuala Lumpur for 36 days since Aug 24, the group achieved the 1 million signatures at 11.45pm on Saturday. The final tally as of yesterday morning was 1.06 million.